

Headline	Rakyat Malaysia mesti proaktif cegah gejala sosial		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	35	ArticleSize	170 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,970	PR Value	RM 8,910



# Rakyat Malaysia mesti proaktif cegah gejala sosial

Pada era pembangunan pesat serta peningkatan nilai ketamadunan yang mapan ke arah menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020, kita perlu akur masalah sosial di Malaysia semakin membimbangkan dan perlu diberikan perhatian.

Kes dan masalah sosial merencatkan usaha kerajaan dalam menjadikan rakyat Malaysia bebas gejala sosial.

Antara masalah sosial yang semakin menjadi-jadi sekarang ialah kes dera, rogol, bunuh, parti liar dan dadah. Kita sebagai rakyat Malaysia perlu sedar dan patut memandang serius serta bersama memikirkan cara membanterasnya.

Pelbagai punca dan faktor berlaku gejala sosial antaranya kurang didikan agama daripada keluarga sejak kecil. Dalam melahirkan insan hebat, agama adalah asas dan tiang bagi mengukuhkan identiti setiap individu.

## Terap ilmu agama

Ibu bapa perlu terapkan ilmu agama yang dapat menjadi benteng padu kepada anak mereka menghadapi dunia tanpa sempadan ini. Kegagalan ibu bapa mendidik anak menjadi antara satu punca mereka terjebak gejala sosial.

Oleh itu, keluarga perlu tahu siapa kawan anak mereka, bagaimana perangainya dan jika rakan itu mempunyai rekod jenayah. Kita sebagai ibu bapa perlu me-

nasihati anak supaya tidak bergaul dengan mereka.

Sebelum nasi menjadi bubur, tindakan awal daripada keluarga dapat menyelamatkan anak daripada terjebak masalah sosial.

Di samping itu, faktor luaran seperti internet, media massa dan kecanggihan teknologi maklumat juga antara punca berlaku masalah sosial. Dunia tanpa sempadan banyak memberi impak negatif kepada remaja dan masyarakat Malaysia.

Semua yang kita mahu atau ingin kita lihat berada di hujung jari tanpa batasan. Laman web lucah tanpa sekatan membolehkan remaja menonton dan menyimpan video itu.

Laman itu yang memaparkan video dan aksi lucah menjadikan kes rogol, buang anak dan kes anak luar nikah semakin meningkat. Remaja terpengaruh dengan video dan gambar yang mereka tonton dan cuba menirunya.

Oleh itu, penyeliaan telefon bimbit, laptop dan komputer anak perlu diperiksa selalu. Justeru, kita sebagai masyarakat perlu proaktif dalam membanteras gejala sosial. Negara maju bukan saja negara yang mempunyai nilai ekonomi tinggi tetapi masyarakat yang berkualiti.

**Abu Dzar Kamarudin,**  
Universiti Utara Malaysia